



**PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
SELANGOR STATE TREASURY**

Tingkat 2, 8-12
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40592 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA

No. Tel : 603-5544 7000
No. Faks : 603-5510 6255 (YB. PWN)
603-5544 7297 (TPWN)
603-5512 1054 (BN)
603-5521 2533 (BKP)
Laman Web : <http://pwn.selangor.gov.my>
E-mel : pwn_helpdesk@selangor.gov.my



#KitaSelangor

Rujukan Kami : PWN.SEL. 600-5/3/6 (36)

Tarikh : 3 Januari 2024

Senarai Edaran Seperti Di Lampiran

YB Dato' Setia / YB Dato' / YBhg. Dato' / Tuan / Puan,

**ARAHAN OPERASI BENDAHARI NEGERI SELANGOR BILANGAN 1 TAHUN 2024 :
GARIS PANDUAN BAYARAN CUKAI TANAH DAN PETAK, PREMIUM TANAH,
PAJAKAN TANAH REZAB DAN PERMIT BAHAN BATUAN SECARA *ELECTRONIC
FUND TRANSFER (EFT)***

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Surat arahan operasi ini dikeluarkan bagi membatalkan Arahan Operasi Bilangan 1 Tahun 2023. Arahan operasi ini menjelaskan tatacara dan prosedur bayaran bagi cukai tanah dan petak, premium tanah, pajakan tanah rezab dan permit bahan batuan secara EFT oleh individu atau syarikat. Ia dikeluarkan setelah mengambil kira permohonan Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor mengenai terimaan bayaran pukal dari pihak Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor serta lain-lain Badan Berkanun dan GLC yang melibatkan amaun bayaran cukai yang besar.

3. Arahan operasi ini berkuatkuasa mulai **03 Januari 2024**.

Sekian terima kasih.

**"#KITASELANGOR MAJU BERSAMA"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

(DR SHAHRIL BAHARIM) C.A(M), FCAM, CGMA

Bendahara Negeri

Selangor Darul Ehsan

b.p YB Pegawai Kewangan Negeri Selangor



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO. : QMS 09760

Salinan kepada:

1. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
2. YB Pegawai Kewangan Negeri Selangor
3. Pengarah, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor
– Arahan operasi ini adalah berkaitan dengan surat rujukan
(51)PTG/BPT.SEL.18/94/2021 bertarikh 26 Disember 2023.

SENARAI EDARAN

1. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Petaling
Kompleks Pejabat Kerajaan Daerah Petaling
No 1, Persiaran Atmosfera, Seksyen U5
40150 SHAH ALAM
2. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Klang
Jalan Kota
41290 KLANG
3. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Gombak
Bangunan Sultan Sulaiman
Persiaran Pegawai
Bandar Baru Selayang
68100 BATU CAVES
4. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Hulu Langat
Kompleks Pentadbiran Daerah Hulu Langat
Bangunan Sultan Hisamuddin Alam Shah
Persiaran Pusat Bandar 1, Seksyen 9
43650 BANDAR BARU BANGI
5. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor
Jalan Bukit Kerajaan
44000 KUALA KUBU BHARU
6. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Sepang
Bangunan Tun Aziz
Bandar Baru Salak Tinggi
43900 SEPANG

7. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat
Persiaran Sultan Abdul Aziz Shah
Kota Seri Langat (Sungai Sedu)
42700 BANTING
8. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor
Kompleks Pejabat Kerajaan Daerah Kuala Selangor
45000 SELANGOR DARUL EHSAN
9. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah/Tanah Sabak Bernam
Kompleks Pejabat Kerajaan Daerah Sabak Bernam
45300 SUNGAI BESAR

ARAHAN OPERASI BENDAHARI NEGERI SELANGOR BILANGAN 1 TAHUN 2024 : GARIS PANDUAN BAYARAN CUKAI TANAH DAN PETAK, PREMIUM TANAH, PAJAKAN TANAH REZAB DAN PERMIT BAHAN BATUAN SECARA *ELECTRONIC FUND TRANSFER* (EFT)

1. TUJUAN

- 1.1 Garis panduan ini disediakan untuk memberi penjelasan mengenai kaedah penerimaan hasil Kerajaan Negeri Selangor secara *Electronic Fund Transfer* (EFT) ketika Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) atau ketika situasi di mana perkhidmatan kaunter kutipan hasil melibatkan semua Pejabat Tanah Dan Daerah (PDT) dan Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor (PTGS) perlu ditutup dan kaedah manual (secara penyediaan Deraf Bank) melibatkan empat jenis urusan niaga di bawah tidak dapat dilakukan (selepas ini disebutkan sebagai empat jenis urusan niaga) :
- i. Bayaran Cukai Tanah dan Cukai Petak (melibatkan amaun melebihi RM 30,000 sahaja bagi akaun individu atau syarikat)
 - ii. Bayaran Premium Tanah
 - iii. Bayaran Tanah Rezab
 - iv. Bayaran Permit Bahan Batuan
- 1.2 Garis panduan ini adalah penting bagi mengelakkan risiko wujudnya Kumpulan Dana di dalam Akaun Bendahari Negeri Selangor yang tidak dikenalpasti sumber atau puncanya. Sehubungan itu, garis panduan ini dikeluarkan sebagai penyelesaian sementara sehinggalah kerangka kawalan terimaan hasil secara EFT melibatkan “empat jenis urusan niaga” di atas dibangunkan sepenuhnya di dalam sistem eHasil.

2. LATAR BELAKANG DAN JUSTIFIKASI

- 2.1 Kebenaran ini diberi untuk “empat jenis urusan niaga” sahaja berdasarkan kepada amaun urusan niaga yang besar jumlahnya.
- 2.2 Selain itu, sistem eHasil juga mempunyai limitasi bagi menerima pembayaran melibatkan akaun individu yang melebihi RM 30,000.00 dan juga pembayaran melibatkan akaun Syarikat.

ARAHAN OPERASI BENDAHARI NEGERI SELANGOR BILANGAN 1 TAHUN 2024 : GARIS PANDUAN BAYARAN CUKAI TANAH DAN PETAK, PREMIUM TANAH, PAJAKAN TANAH REZAB DAN PERMIT BAHAN BATUAN SECARA *ELECTRONIC FUND TRANSFER* (EFT)

- 2.3 Sistem SmartBox yang diwujudkan ketika ini adalah untuk memudahkan bayaran dibuat secara *online* di PTGS sahaja dan belum diperluaskan penggunaannya di semua PDT.

3. KAEDAH PELAKSANAAN

- 3.1 Kemudahan kaedah bayaran secara EFT ini yang melibatkan “empat jenis urusan niaga” perlu dibuat berdasarkan kepada keperluan atau *case by case basis* melibatkan permohonan daripada individu atau Syarikat menggunakan **Lampiran 1** setelah pertimbangan dibuat oleh Jabatan/Pusat Tanggungjawab (PTJ).
- 3.2 Kesemua bayaran perlu dibuat menggunakan akaun Bendahari Negeri Selangor melalui akaun **CIMB Bank Berhad 8001954651**.
- 3.3 PTGS/PDT perlu memaklumkan kepada individu atau syarikat yang ingin membuat bayaran secara EFT untuk menggunakan Kod PDT seperti di bawah.

PDTPTGS	-	Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor
PDT01	-	PDT Sabak Bernam
PDT02	-	PDT Kuala Selangor
PDT03	-	PDT Hulu Selangor
PDT04	-	PDT Klang
PDT05	-	PDT Petaling
PDT06	-	PDT Kuala Langat
PDT07	-	PDT Sepang
PDT08	-	PDT Hulu Langat
PDT09	-	PDT Gombak

- 3.4 PTGS/PDT perlu menjelaskan kepada pihak individu atau syarikat yang hendak membuat bayaran supaya memasukkan perihal bayaran ketika membuat bayaran secara EFT. Contoh bagi PDT Petaling seperti berikut :

**ARAHAN OPERASI BENDAHARI NEGERI SELANGOR BILANGAN 1 TAHUN 2024 : GARIS
PANDUAN BAYARAN CUKAI TANAH DAN PETAK, PREMIUM TANAH, PAJAKAN TANAH
REZAB DAN PERMIT BAHAN BATUAN SECARA *ELECTRONIC FUND TRANSFER* (EFT)**

PDT05 Cukai Tanah

PDT05 Premium Tanah

PDT05 Pajakan Tanah Rezab

PDT05 Permit Bahan Batuan

- 3.5 Kod PDT dan perihal adalah maklumat penting bagi Bendahari Negeri mengetahui dan mengenalpasti sumber terimaan untuk tujuan perekodan, perakaunan dan kawalan aliran tunai Kerajaan Negeri melalui Penyesuaian Bank.
- 3.6 PTGS/PDT perlu memaklumkan kepada individu atau syarikat untuk **mengemukakan dokumen slip pindahan bank secara e-mel kepada Bahagian Hasil, PTGS/PDT yang berkaitan bagi tujuan pemakluman dan pengeluaran resit rasmi pada hari yang sama pembayaran EFT dibuat.**
- 3.7 PTGS/PDT hendaklah **menyediakan Penyata Pemungut untuk mengakaunkan terimaan hasil tersebut.**
- 3.8 Bagi bayaran cukai tanah dan cukai petak (samada individu yang amaunnya melebihi RM 30,000.00 atau syarikat) PTGS/PDT perlu memaklumkan maklumat nombor akaun cukai menggunakan format yang disediakan seperti di **Lampiran 2**. Pemakluman ini perlu dibuat setiap hari dan dikemukakan pada hari bekerja berikutnya.
- 3.9 Seluruh proses kaedah pelaksanaan ini digambarkan di dalam Carta Alir seperti di **Lampiran 3**.
- 3.10 Adalah menjadi tanggungjawab PTGS dan PDT untuk sentiasa melindungi kerahsiaan akaun Bendahari Negeri daripada disalahguna daripada tujuan selain daripada tujuan yang dinyatakan di para 1.1 garis panduan ini.

ARAHAN OPERASI BENDAHARI NEGERI SELANGOR BILANGAN 1 TAHUN 2024 : GARIS PANDUAN BAYARAN CUKAI TANAH DAN PETAK, PREMIUM TANAH, PAJAKAN TANAH REZAB DAN PERMIT BAHAN BATUAN SECARA *ELECTRONIC FUND TRANSFER* (EFT)

4. LIMITASI.

- 4.1 Bayaran selain daripada yang dinyatakan di para 1.1 adalah **tidak dibenarkan**.
- 4.2 Penggunaan kaedah secara EFT ini hanya dibenarkan berdasarkan keperluan permohonan daripada individu atau syarikat kepada Pentadbir Tanah/Pengarah Tanah & Galian Selangor sahaja.

5. TARIKH KUATKUASA.

Garis panduan ini berkuatkuasa **03 Januari 2024..**

Sekian, terima kasih.

"#KITASELANGOR MAJU BERSAMA"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. SHAHRIL BAHARIM) C.A(M), FGMA, CGMA
Bendahari Negeri Selangor

**ARAHAN OPERASI BENDAHARI NEGERI SELANGOR BILANGAN 1 TAHUN 2024 : GARIS
PANDUAN BAYARAN CUKAI TANAH DAN PETAK, PREMIUM TANAH, PAJAKAN TANAH
REZAB DAN PERMIT BAHAN BATUAN SECARA *ELECTRONIC FUND TRANSFER* (EFT)**

LAMPIRAN 1

**BORANG PERMOHONAN KELULUSAN PEMBAYARAN CUKAI TANAH DAN CUKAI PETAK, PREMIUM
TANAH, PAJAKAN TANAH REZAB DAN PERMIT BAHAN BATUAN SECARA EFT**

NAMA PTJ :

E-MEL :

NO. TELEFON :

MAKLUMAT PERMOHONAN (Diisi oleh pembayar)			
NAMA PEMBAYAR			
ALAMAT			
NO. TELEFON / E-MEL			
MAKLUMAT BAYARAN (Diisi oleh pembayar)			
PERIHAL BAYARAN	(Sila Tandakan /)	NOMBOR AKAUN CUKAI/NOMBOR ID HAKMILIK/RUJUKAN/NO FAIL	JUMLAH BAYARAN (RM)
CUKAI TANAH / CUKAI PETAK			
PREMIUM TANAH			
PAJAKAN TANAH REZAB			
PERMIT BAHAN BATUAN			
PENGESAHAN			
DISEDIAKAN OLEH PEMOHON		DISAHKAN OLEH PTGS / PDT	
TANDATANGAN :		TANDATANGAN :	
NAMA :		NAMA :	
TARIKH :		TARIKH :	
MAKLUMAT PENTING			
- Pastikan pembayar memasukkan kod PDT diikuti perihal bayaran ketika membuat bayaran. Contoh PDT05Premium Tanah adalah bayaran Premium Tanah bagi Daerah Petaling. - Perihal Bayaran seperti di bawah : - Cukai Tanah / Cukai Petak - Premium Tanah - Pajakan Tanah rezab - Permit Bahan Batuan - Bayaran perlu dibuat ke akaun CIMB Bank Berhad atas nama Bendahari Negeri Selangor di nombor 8001954651. - Pembayar hendaklah mengemukakan dokumen slip pindahan bank secara e-mel kepada PTGS/PDT melalui e-mel yang dinyatakan di borang ini. - Bayaran tanpa permohonan tidak akan diproses.			

**ARAHAN OPERASI BENDAHARI NEGERI SELANGOR BILANGAN 1 TAHUN 2024 : GARIS
PANDUAN BAYARAN CUKAI TANAH DAN PETAK, PREMIUM TANAH, PAJAKAN TANAH
REZAB DAN PERMIT BAHAN BATUAN SECARA *ELECTRONIC FUND TRANSFER* (EFT)**

LAMPIRAN 2

**BORANG PENGEMASKINIAN MAKLUMAT AKAUN CUKAI TANAH DAN CUKAI PETAK KE DALAM SISTEM
eTANAH**

Kepada

Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Teknologi Maklumat
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor
Aras 3, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40000 Shah Alam
SELANGOR DARUL EHSAN
u.p : Penolong Pengarah (Teknologi Maklumat) 2

Tuan,

**PENGEMASKINIAN MAKLUMAT AKAUN CUKAI TANAH DAN CUKAI PETAK KE DALAM SISTEM
eTANAH**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa nombor akaun Cukai Tanah / Petak ini terlibat dalam pembayaran secara EFT :

BIL	TARIKH EFT	NOMBOR AKAUN CUKAI / NOMBOR ID HAKMILIK	AMAUN (RM)

3. Oleh yang demikian, tuan diminta untuk mengemaskini maklumat bayaran ini ke dalam sistem eTanah.

Sekian.

"SELANGOR MAJU BERSAMA"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

()

Nama :

Jawatan :

LAMPIRAN 3

CARTA ALIR PROSES BAYARAN CUKAI TANAH DAN PETAK, PREMIUM TANAH, PAJAKAN TANAH REZAB DAN PERMIT BAHAN BATUAN SECARA *ELCTRONIC FUND TRANFER* (EFT)

PROSES KERJA

